

MEDIA CLIPPING

Client :	ECS ICT Bhd	Date :	21 July 2014
Media :	Berita Harian	Section :	Business
Language :	Bahasa Malaysia		

“ECS strengthens its smartphone segment”

BH 21 JULAI 2014 © ISNIN

BISNES B3

ECS mahu perkukuh segmen telefon pintar

» Syarikat pertaruh jualan *Lenovo, Asus meningkat 20 peratus*

Oleh Shahrizan Sallian
shahrizan_sallian@bh.com.my

ECS ICT Bhd, pengedar produk teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) senaraian awam terbesar tempatan mempertaruhkan pertumbuhan pesat penggunaan peralatan mudah alih seperti telefon pintar dan tablet untuk menjadi penyumbang utama pendapatan masa depan kumpulan.

Pada masa ini, penyumbang utama pendapatan ECS yang juga pengedar pertama komputer IBM di Malaysia pada tahun 1984 masih lagi terdiri daripada jualan komputer peribadi dan komputer riba.

Pengarah Urusannya, Foo Sen Chin, berkata perkembangan yang berlaku di seluruh dunia ketika ini menyaksikan ECS mengandakan tumpuannya kepada pasaran peralatan mudah alih, khususnya rangkaian telefon pintar yang dilihat sudah beberapa tahun mengambil alih peranan komputer sebagai alat perhubungan maya utama.

Beliau berkata, ECS mula memasuki pasaran telefon pintar dengan menjadi pengedar jenama Lenovo sejak setahun lalu dan diperkukuhkan lagi dengan jenama terkemuka Taiwan, Asus pada beberapa bulan yang lalu.

“Pada hujung tahun lalu, jualan daripada peralatan mudah alih iaitu tablet dan telefon pintar me-



Sen Chin menunjukkan antara produk telefon pintar edaran ECS ICT. (FOTO: NURUL SHAFINIA JEMESON/BH)

nyumbang 10 peratus kepada pendapatan syarikat. Kemasukan jenama Asus pula dijangka mengukuhkan lagi sumbangannya kepada antara 15 hingga 20 peratus menjelang akhir tahun ini,” katanya dalam satu temubual bersama BH di Petaling Jaya, baru-baru ini.

ECS ICT yang disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia sejak empat tahun lalu mempunyai dua segmen utama perniagaan iaitu pengedaran produk ICT dan sistem enterpris.

Pengedar utama Lenovo
Pengedaran produk ICT ialah teras utama perniagaannya dengan menyumbang sehingga 64 peratus kepada pendapatan kumpulan, atau RM1.33 bilion manakala sistem enterpris pula 35 peratus.

Satu peratus lagi pendapatannya disumbangkan oleh perniagaan sokongannya, iaitu perkhidmatan IGT.

Sen Chin berkata, melalui perniagaan pengedaran ICT, jualan komputer peribadi dan komputer riba masih menjadi penyumbang terbesar kumpulan iaitu kira-kira 40 peratus.

“Begitupun, arah aliran sejak setahun lalu menunjukkan jualan peralatan mudah alih semakin meningkat dari suku ke suku. Disebabkan itulah, ECS semakin mengalihkan tumpuan kepada segmen yang sedang pesat berkembang ini,” katanya.

Beliau berkata, ECS juga menimbang untuk menambah rangkaian jenama peralatan mudah alih di bawah edarannya selepas menyaksikan lonjakan luar biasa jenama Lenovo dalam pasaran tempatan.

“Kami sedang mengadakan rundingan bersama beberapa ‘nama besar’ dalam industri. Kami akan membuat pengumuman

“**Kemasukan jenama Asus pula dijangka kukuhkan lagi sumbangannya kepada antara 15 hingga 20 peratus menjelang akhir tahun ini”**

Foo Sen Chin,
Pengarah Urusan ECS ICT

apabila ia dimuktamadkan kelak,” katanya.

Perangkaan semasa menunjukkan telefon pintar Lenovo yang diedarkan oleh ECS muncul sebagai jenama vendor kedua terbesar di Malaysia pada suku pertama tahun ini, di belakang Samsung.

Pada suku terdahulu, jenama itu hanya berada di tempat keempat.

Sementara itu, jenama Asus yang dihawanya sejak April lalu pula semakin mendapat tempat dalam kalangan peminat telefon pintar dengan rangkaian model popular Asus Zenfone muncul antara jenama terlaris pada tahun ini.

Sementara itu, Sen Chin berkata, pelaksanaan cukai barangan dan perkhidmatan (GST) pada 1 April tahun depan hanya akan memberikan kesan ‘sekali saja’ kepada jualan produk ICT bersandarkan pengalaman yang dihadapi syarikat sekutunya di Singapura.